

21 JUN 2003

Syed Hamid-Calon

BANYAK NEGARA MAHU M'SIA LETAK CALON JAWATAN S/AGUNG OIC

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Banyak negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mahu Malaysia meletakkan calon untuk jawatan setiausaha agung badan yang mewakili negara-negara Islam terbesar di dunia itu, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Berdasarkan perbincangan awal dengan rakan-rakan sejawatannya, beliau berkata tidak ada masalah bagi mereka untuk memberikan sokongan kepada calon dari Malaysia untuk memegang jawatan itu, yang kosong tahun depan.

"Saya akan mendapatkan kepastian daripada pihak kerajaan sama ada kita berminat, jika kerajaan serius, kita akan memikirkan nama-nama yang sesuai untuk dicalonkan," katanya kepada BERNAMA di luar Perhimpunan Agung Umno Ke-54 di sini.

Syed Hamid berkata keinginan negara-negara OIC untuk melihat Malaysia meletakkan calon begitu ketara sehinggakan ada yang bertanya sama ada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri berminat memegang jawatan itu selepas persaraannya daripada semua jawatan parti dan politik Oktober ini.

Setiausaha agung OIC sekarang ialah Dr Abdelouahed Belkeziz dari Maghribi yang menyandang jawatan itu sejak 2001. Perdana Menteri pertama Malaysia alahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ialah setiausaha agung OIC yang pertama dari 1971 hingga 1973.

Syed Hamid berkata setakat yang diketahui, hanya Bangladesh mengemukakan calon untuk jawatan berkenaan.

Lazimnya, pemilihan setiausaha agung OIC dibuat secara rundingan dan bukannya pertandingan sebagaimana yang berlaku kepada Belkeziz dulu, katanya.

Mengulas tentang peluang calon Malaysia terpilih ke jawatan itu, beliau berkata: "Saya fikir tidak menjadi sesuatu yang susah untuk (calon Malaysia) mendapat penerimaan kerana reputasi Malaysia dan keupayaan negara mengurus sesuatu organisasi memang telah diiktiraf."

Ditanya sama ada beliau mempunyai sebarang nama untuk diketengahkan, Syed Hamid berkata: "Mereka melihat kepada seorang yang mempunyai taraf menteri sekurang-kurangnya.

"Jadi kita kena fikirkan secara serius beberapa orang yang mungkin mempunyai keupayaan untuk menjadi setiausaha agung OIC."

Beliau berkata selepas nama calon ditentukan, perkara itu perlu dibincangkan terlebih dahulu dengan negara-negara OIC lain.

"Kalau sekarang kita cakap kita nak dan kita belum mengenal pasti calon, itu pun tidak adil," katanya.

-- BERNAMA

MAM ZS RON